KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

PROGRAM SENTUHAN KASIH DESA @ TAWAU TAHUN 2025

1. Majlis Perasmian Penutupan Program Sentuhan Kasih Desa @ Tawau Tahun 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah di Kompleks Sukan Tawau, Sabah. Program ini diadakan dari 21 hingga 23 Februari 2025 berjaya menarik seramai lebih 15,000 orang pengunjung yang hadir.

2. YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut menyerahkan bantuan / geran kepada usahawan di bawah Program Pembangunan Usahawan RISDA Negeri Sabah Tahun 2025 dan Skim Pembiayaan Perniagaan Mudah Jaya (SPiM) MARA Tahun 2025.

3. Program ini melibatkan empat (4) agensi di bawah KKDW iaitu Majlis Amanah Raya (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan FELCRA Berhad serta turut disertai pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang memfokuskan pameran dan aktiviti jualan usahawan luar bandar seperti jualan makanan dan minuman, pakaian, produk kecantikan dan kesihatan, kraftangan dan hasil pertanian.

4. Seramai hampir 90 usahawan luar bandar terlibat di dalam aktiviti jualan di Program Sentuhan Kasih Desa@Tawau ini dan turut disertai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang mengadakan Jualan Rahmah bagi memeriahkan program.

5. Kementerian Pengajian Tinggi juga menyertai program ini melalui pameran pendididikan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Politeknik dan Kolej Komuniti.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
23 Februari 2025